

Sila baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful mySinar PA. Sila pastikan anda membaca terma dan syarat am.

**1. Apakah produk ini?**

Produk ini menyediakan perlindungan kemalangan diri yang komprehensif kepada orang yang dilindungi bagi kejadian yang disebabkan oleh kemalangan semata-mata dan bebas dari sebarang sebab lain terutama semasa persiapan untuk mengerjakan Haji atau Umrah.

**2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?**

Produk ini menggunakan konsep Syariah berikut:

- Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik atas satu aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang pertimbangan. Di bawah produk ini, manfaat yang dibayar dari Dana Takaful Am (“DTA”) adalah berdasarkan Hibah. Penerima boleh menerima manfaat yang dibayar di bawah produk ini jika penerima adalah seorang penerima di bawah Hibah bersyarat.
- Ju’alah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah produk ini, peserta membenarkan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] (“Kami”, atau “Takaful Malaysia”) untuk menerima sebahagian daripada lebihan boleh agih daripada DTA sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan DTA yang menghasilkan lebihan tersebut.
- Qard** merujuk kepada kontrak meminjamkan wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam terikat untuk membayar balik jumlah pinjaman yang setara kepada pemberi pinjaman. Di bawah produk ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang kepada DTA tanpa faedah jika DTA tersebut berada di dalam defisit.
- Tabarru’** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah produk ini, peserta menderma sebahagian sumbangan kepada DTA untuk membantu peserta-peserta lain. Tabarru’ berkuat kuasa apabila anda menyumbang kepada DTA.
- Wakalah** merujuk kepada sebuah kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam perkara-perkara yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di bawah produk ini, peserta memberi kuasa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan DTA dan sebagai balasan, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.

**3. Apakah perlindungan manfaat yang disediakan?**

Sila rujuk jadual berikut:

No.	Manfaat (RM)	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6
1.	Kematian atau Keilatan Kekal Akibat Kemalangan	30,000	50,000	80,000	100,000	120,000	150,000
2.	Kematian atau Keilatan Kekal Akibat Kemalangan Berganda (semasa mengerjakan Haji & Umrah)	60,000	100,000	160,000	200,000	240,000	300,000
3.	PA Penerbangan (semasa perjalanan pergi/pulang Haji atau Umrah)	1,000,000					
4.	Badal Haji (bayaran sekali gus untuk kematian atau keilatan kekal menyeluruh akibat kemalangan yang menghalang untuk mengerjakan haji dan umrah)	3,000	5,000	8,000	10,000	12,000	15,000
5.	Pendapatan Hospital akibat kemalangan (bayaran sekali gus untuk kemasukan hospital kerana Kemalangan sebelum Haji atau Umrah)	1,000					

Nota:

- Manfaat anda bergantung kepada pelan yang anda sertai dan dinyatakan dalam sijil anda.
- Anda hanya boleh menuntut di bawah Manfaat 1,2 atau 3 untuk mana-mana satu (1) kejadian.
- Perlindungan untuk kanak-kanak adalah lima puluh peratus (50%) daripada jumlah perlindungan yang dinyatakan di atas.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

#### 4. Berapakah jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Sumbangan bulanan yang perlu anda bayar adalah berbeza bergantung kepada pelan yang anda sertai.

Sumbangan Bulanan (RM)*	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6
Individu	35.66	40.75	45.85	50.94	56.04	61.13
Individu & Pasangan	61.13	71.32	81.51	91.70	101.89	112.08
Individu & Anak-anak	86.60	96.79	112.08	122.26	132.45	147.74
Keluarga (Individu, Pasangan & Anak-anak)	112.08	132.45	147.74	163.02	183.40	198.68

Nota:

- Hanya satu (1) pasangan sah dilindungi di bawah pelan ini.
- Maksimum tiga (3) kanak-kanak di bawah pelan dan had umur adalah tiga puluh hari (30) hingga lapan belas tahun (18) atau dua puluh tiga tahun (23) jika belajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi dan tidak bekerja.
- Hanya satu (1) yang akan dikeluarkan tanpa mengira bilangan orang yang dilindungi di bawah produk ini.

\*Kadar sumbangan ini termasuk lapan peratus (8%) Cukai Perkhidmatan.

#### 5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Jumlah
Yuran Wakalah	60% daripada sumbangan yang termasuk perbelanjaan pemasaran dan pentadbiran.
Cukai Perkhidmatan	8% daripada sumbangan yang dibayar

#### 6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang perlu saya ketahui?

Sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut anda ketahui adalah:

- Tanggungjawab Pendedahan** - Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat pernyataan yang salah dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan berkenaan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan tuntutan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- Anda boleh membatalkan produk ini dengan mengembalikan sijil dalam tempoh lima belas (15) hari kalendar tempoh penelitian percuma selepas sijil telah diterima oleh anda. Sumbangan yang telah anda bayar akan dikembalikan kepada anda.
- Perlindungan anda berkuat kuasa selepas pengeluaran sijil dan apabila sumbangan itu dibayar.
- Tempoh Tangguh** - Anda akan mempunyai enam puluh (60) hari dari tarikh sumbangan (termasuk) untuk membayar setiap sumbangan yang perlu dibayar. Sekiranya sumbangan tidak dibayar pada akhir tempoh tangguh, sijil anda akan luput dan orang yang dilindungi tidak mempunyai perlindungan, manfaat atau nilai Takaful.
- Jika berlakunya kemalangan yang membolehkan tuntutan dilakukan, anda perlu memaklumkan kepada kami dengan serta-merta.
- Pembaharuan sijil sehingga umur tujuh puluh (70) tahun dan sumbangan pembaharuan tidak dijamin.
- Bagi kanak-kanak, perlindungan akan ditamatkan apabila mencapai umur lapan belas (18) tahun atau dua puluh tiga (23) tahun jika berdaftar sebagai pelajar sepenuh masa di institusi pendidikan yang diiktiraf dan tidak mendapat pekerjaan.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk sijil anda untuk senarai penuh terma dan syarat yang lengkap di bawah produk ini.

**7. Apakah pengecualian utama bagi produk ini?**

Produk ini tidak melindungi perkara-perkara berikut:

- a. individu seperti juruterbang, kru penerbangan dan ahli bomba semasa bertugas, nelayan, pelumba motor profesional, ahli sukan profesional, pengangkat barang, pekerja runtuh bangunan, penyelam, joki, pekerja pembalakan, pelombong, kru penyelamat laut, individu terlibat secara langsung dalam membuat atau mengendalikan bahan letupan, kakitangan dalam angkatan tentera, penebang pokok, pencuci tingkap bangunan tinggi dan lain-lain pekerjaan yang memudaratkan dan merbahaya;
- b. kecacatan fizikal atau penyakit mental yang sedia ada;
- c. membunuh diri (sama ada waras atau tidak siuman), kecederaan diri yang disengajakan atau sebarang percubaan melakukannya;
- d. kesan atau pengaruh dadah atau alkohol;
- e. semasa menyertai sukan profesional dan/atau aktiviti berbahaya termasuk tetapi tidak terhad kepada memburu, mendaki gunung, hoki ais, bermain polo, lumba lari berhalangan, sukan musim sejuk, kapal layar, meneroka gua, meneroka lubang, arung jeram secara berakit, sukan payung terjun, terjun tebing, lompat bungee, meluncur air, aktiviti bawah air yang melibatkan penggunaan alat pernafasan, seni mempertahankan diri atau tinju, aktiviti udara seperti payung terjun, paragliding dan meluncur tangan atau penyertaan dalam sebarang bentuk perlumbaan atau persaingan selain daripada berjalan kaki;
- f. semasa dalam perjalanan dalam pesawat sebagai anak kapal, kecuali hanya sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat yang dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil untuk senarai pengecualian yang lengkap bagi produk ini.

**8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?**

Anda boleh membatalkan sijil selepas lima belas (15) hari tempoh penelitian percuma. Perlindungan anda akan tamat pada tarikh matang sumbangan yang seterusnya di mana anda tidak perlu membayar sebarang sumbangan selanjutnya.

**9. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan pada butiran peribadi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan mengenai maklumat anda atau profil kehidupan anda, termasuk pekerjaan dan aktiviti peribadi yang boleh mempengaruhi profil risiko.

**10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan Takaful Kemalangan Diri, sila rujuk kepada buku panduan 'Takaful Kemalangan Diri', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my).

Jika anda ingin mengetahui lebih lanjut mengenai Takaful mySinar PA, sila hubungi kami di:

**Unit Perkhidmatan Pelanggan (CSU)**

Suite 1B-3A, Level 3A Blok 1B,  
Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5,  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 1300-82-0022

Emel: [telemarketing@takaful-malaysia.com.my](mailto:telemarketing@takaful-malaysia.com.my)

**NOTA PENTING:**

**ANDA DINASIHATKAN MENGAMBIL PERHATIAN KEPADA JADUAL MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA AKIBAT KEMALANGAN DI DALAM SIJIL. ANDA HARUS MENAMAKAN SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA TERSEBUT DIMAKLUMKAN DENGAN SIJIL YANG TELAH ANDA SERTAI. ANDA HARUS BACA DAN FAHAM PRODUK INI ATAU HUBUNGI KAMI TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Produk ini diuruskan oleh Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)] yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan di dalam Helaian Penerangan Produk ini sah pada Mac 2024.